



Rujukan : UKM3.1/224/8
Tarikh : 17 Julai 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL 12/2013

Kepada Semua Pelajar UKM

Saudara/i,

URUSAN KAUNTER BARU JABATAN BENDAHARI MELALUI PUSAT KHIDMAT KEWANGAN.

Merujuk kepada perkara diatas sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah mewujudkan Pusat Khidmat Kewangan untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

2. Pusat Khidmat Kewangan berfungsi sebagai kaunter yang menerima pelbagai bayaran dan juga kini dikembangkan sebagai khidmat pertanyaan/rundingan kepada pelajar berkaitan dengan kewangan. Seiringan dengan itu kaunter Unit Kewangan Pelajar di aras 3 telah ditutup dan pelajar dikehendaki berurusan di Pusat Khidmat kewangan bertempat di Aras 1 Bangunan Canselori.

3. Universiti telah menyediakan kemudahan semakan akaun pelajar melalui web *epelajar*, pelajar dinasihatkan menyemak akaun masing-masing dari masa ke semasa. Terdapat pelbagai kaedah bayaran boleh dibuat yang disediakan oleh universiti, para pelajar diminta merujuk panduan terperinci bayaran yuran yang juga boleh dirujuk di laman web *epelajar*.

Sekian terima kasih.


Yang Benar

MOHD ABD RASHID BIN MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 - Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - Semua Dekan/Pengarah/Ketua
 - Pendaftar
 - Pengetua-Pengetua Kolej
 - Presiden PMUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779